

Submission date: 05/01/2018

Accepted date: 08/04/2018

## **IDENTITI PROFESIONAL PENGAMAL PEMULIHAN KES-KES PENYELEWENGAN AGAMA MELAMPAU: SUATU ANALISIS NARATIF**

*Professional Identity of Rehabilitation Practitioners with Extreme Religious Deviance Cases:  
A Narrative Analysis*

Yusmini Md. Yusoff  
Universiti Malaya

yusmini@um.edu.my

### **Abstrak**

Identiti profesional merupakan suatu entiti yang tidak statik tetapi ia boleh dibentuk dan bersifat fleksibel. Identiti ini berpengaruh dalam mengidenfikasikan siapa diri individu dan bagaimana individu tersebut dilihat oleh mereka yang berada dalam lingkungan profesionalnya. Artikel ini membincangkan tentang nilai personal dan nilai profesional yang menjadi unsur penting dalam pembentukan identiti profesional pengamal pemulihan yang berhadapan dengan pelaku kesalahan berfahaman agama ekstrem. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah bersifat kualitatif *exploratory* melalui penggunaan teknik temubual mendalam. Seramai lapan informan terdiri daripada pengamal pemulihan Muslim di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlibat dalam kajian ini. Analisis dapatkan kualitatif dijalankan secara naratif dan hasil kajian mendapati nilai personal dan profesional mempunyai hubungan yang kuat dalam mempengaruhi siapa diri informan sebagai pengamal pemulihan.

Kata kunci: identiti profesional, nilai personal, pendidikan dan latihan, kajian naratif.

### **Abstract**

Professional identity is not static but fluid. It is influential in identifying who the individual is and how the individual is perceived by those in his or her professional setting. This article provides a discussion with respect to both personal and professional values that shape the rehabilitation practitioners' professional identity working with extreme religious deviance cases. The research method employed in this study was an exploratory-qualitative approach utilizing in-depth interviews techniques. A total of eight Muslim rehabilitation practitioners within Selangor and the Federal Territory of Kuala Lumpur had participated in this study. The findings were analysed in a narrative manner and they indicate that personal and professional values have a strong relationship in shaping who the informants are as rehabilitation practitioners.

Keywords: professional identity, personal value, education and training, narrative study.

## PENGENALAN

Di Malaysia ancaman keganasan yang menjelaskan keselamatan negara bukanlah suatu perkara baru. Isu-isu keganasan yang melibatkan kumpulan ajaran sesat dengan pegangan ideologi melampau, ekstremis atau radikal telah bertapak di negara ini sejak tahun 1970an. Peristiwa serangan nekad terhadap Balai Polis Batu Pahat, Johor pada Oktober 1980 oleh kumpulan jubah putih yang diketuai Ahmad Nasir Ismail (Salleh Buang, 2016), dan siri serangan terhadap kuil-kuil Hindu di Selangor pada tahun 1979 oleh pengikut ajaran sesat Kamaruddin Ahmad Kajang adalah bukti kepada jenayah keganasan agama yang membawa kepada kematian (Zahirah Mustafa, 2013). Tidak terhenti dengan insiden berdarah tersebut, antara tahun 1990 dan 2000 negara digemparkan pula dengan aktiviti-aktiviti keganasan gerakan Jemaah Islamiyah (JI), Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan al-Maunah, dan terkini Malaysia berhadapan dengan gerakan subversif yang lebih mencabar iaitu gerakan ekstremis IS (Islamic State) atau dikenali dengan *Daesh* (Sibalinggam, 2016).

Berbanding dengan kumpulan pelampau agama dalam era 70an, orientasi perjuangan yang lebih sofistikated, terancang dan penyebaran fahaman melalui aplikasi teknologi canggih menyebabkan usaha kerajaan untuk menangani ancaman ekstremisme dalam negara semakin mencabar. Gerakan-gerakan radikal ini bukan sahaja beroperasi secara setempat tetapi mempunyai hubungan antarabangsa dengan rangkaian kumpulan pengganas luar negara (Windisch et.al, 2016). Matlamat perjuangan adalah untuk menuahkan sebuah pemerintahan Islam ‘sebenar’ berdasarkan pandangan mereka dengan menekankan konsep jihad dan syahid. Kefahaman terhadap konsep ini lazimnya mengikut pengertian dan tafsiran yang sejajar dengan agenda perjuangan yang telah ditanamkan (Latif & Munir, 2014). Agenda perjuangan ini bukan sahaja dipercayai dan disokong oleh pengikut-pengikut biasa tetapi juga didokong dan digerakkan oleh ahli-ahli yang mempunyai latar belakang profesional serta berpendidikan tinggi.

Dalam menangani isu ekstremisme dan keganasan, kerajaan Malaysia telah menunjukkan sejarah dan pengalamannya yang panjang. Langkah undang-undang bersifat agresif telah diambil seperti pengwujudan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau *Internal Security Act* 1960 (ISA). Pada ketika itu akta tersebut dikuatkuasakan untuk membanteras kegiatan dan aktiviti komunis. Setelah negara mencapai kemerdekaan dan aktiviti komunis dapat dibendung, penguatkuasaan akta ini dipanjangkan kepada kegiatan ekstremis lain sehingga tahun 2012 (Sibalinggam, 2016). Namun, pada pertengahan tahun 2012, akta ini dimansuhkan dan diganti dengan *Security Offences (Special Measures) Act 2012* (SOSMA) bagi memperkasakan undang-undang pencegahan keganasan dengan lebih baik. Terbaru, *Prevention of Terrorism Act 2015* (POTA) dilancarkan untuk kesalahan keganasan yang bukan sahaja terbatas di dalam negara tetapi juga di luar sempadan negara (Kementerian Dalam Negeri, 2016).

Bagi mengukuhkan lagi langkah-langkah pencegahan, beberapa peruntukan kesalahan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah juga diwujudkan oleh pihak berkuasa agama. Peruntukan ini bertujuan khasnya untuk membendung sebarang anasir yang boleh menimbulkan kekeliruan akidah dalam kalangan umat Islam yang seterusnya mendorong kepada perlakuan ekstrem. Pada masa yang sama, aktiviti pendakwah dan penceramah bebas juga dipantau dengan pensyaratian tauliah bagi memastikan penyebaran ajaran Islam di Malaysia adalah mengikut landasan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa negara (Siti Zubaidah, 2010).

Walau bagaimana pun, langkah-langkah keselamatan berteraskan undang-undang semata tidak akan berkesan sekiranya ia tidak disokong dengan dasar-dasar rehabilitasi dan intervensi yang baik. Memandangkan kebanyakan pelaku kesalahan yang berteraskan ideologi agama

melampau ditahan di institusi tertutup seperti penjara dan pusat-pusat pemulihan akidah, sudah pasti proses intervensi dan pemulihan adalah sesuatu yang amat diperlukan. Proses ini bertujuan bagi mengembalikan keseimbangan pemikiran dan emosi pelaku supaya mereka boleh memberi penjustifikasi semula terhadap unsur-unsur yang menjadi punca kepada pemikiran dan perlakuan ekstrem. Selain itu, proses ini juga dijangka memberi kelegaan psikologi kepada tahanan yang secara asasnya berada di lokasi yang bersifat *punitive* atau hukuman.

Dalam program pemulihan dan intervensi, dua elemen penting yang berkait dengannya adalah modul dan pelaksana modul. Kedua-dua elemen ini berfungsi secara timbal balik dan saling berhubungan antara satu sama lain. Sesuatu program intervensi tidak dapat dilaksanakan dengan efektif sekiranya modul yang ditawarkan tidak disusun dengan baik dan sistematik. Manakala, modul yang baik akan menjadi sia-sia sekiranya individu yang dipertanggungjawabkan tidak mempunyai atau kurang pengetahuan, kelayakan dan kemahiran yang cukup untuk melaksanakannya.

Bagi tujuan artikel ini, kupasan dan perbincangan penulisan adalah menjurus kepada diri atau identiti profesional pelaksana modul yang berhadapan dengan pelaku-pelaku kesalahan yang berideologikan pemahaman agama yang ekstrem. Diri/identiti profesional atau *professional self (selves)* merujuk kepada bagaimana pelaksana/pengamal mengambarkan atau meletakkan diri mereka dalam konteks kerja dan bentuk penyampaian amalan kepada pelaku-pelaku kesalahan berkenaan (Davidson & Schenck, 2006). Sebagai permulaan, konsep diri profesional dalam konteks pemulihan dan intervensi dibincangkan.

## **KONSEP DIRI ATAU IDENTITI PROFESIONAL DALAM KONTEKS PEMULIHAN DAN INTERVENSI**

Dalam konteks pemulihan atau rehabilitasi, memahami keadaan diri individu yang dikategorikan dalam sesuatu situasi dengan pelbagai panggilan berbeza seperti *mad'u* (sasaran dakwah), klien, pelatih, penghuni, pesakit, tahanan, pesalah, banduan dan sebagainya adalah sangat penting. Kefahaman ini merangkumi aspek-aspek latar belakang sosio-budaya, agama, personaliti, psikologi, pemikiran, tingkahlaku dan sistem nilai yang dipegang oleh individu yang menerima perkhidmatan pemulihan tersebut. Kefahaman ini perlu disampaikan dalam bentuk terapeutik atau dalam bentuk untuk memulihkan atau menyembuhkan supaya proses pemulihan dan pembinaan diri dapat berlaku dengan baik seterusnya mencegah pengulangan (relapse) salah suai tingkahlaku yang menyebabkan proses pemulihan diperlukan lagi oleh seseorang individu.

Mengikut pandangan Neary (2014), keupayaan atau kebolehan menyampaikan kefahaman profesional merupakan refleksi kepada pengetahuan individu, latihan yang diterima, pengalaman dan nilai-nilai peribadi seseorang pengamal pemulihan. Semua perkara ini mempengaruhi aspek penyampaian dan pendekatan yang digunakan dalam intervensi pemulihan. Kefahaman profesional inilah yang membentuk diri atau identiti profesional seseorang pengamal.

Selain pandangan yang diketengahkan Neary, terdapat pelbagai definisi dan pemahaman lain yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji apabila mengupas konsep ini. Schoen (1989) menyatakan salah satu ukuran dalam menentukan suatu identiti profesional ialah aktiviti-aktiviti spesifik yang dilakukan oleh pengamal. Aktiviti pemulihan ini perlu berteraskan kepada peranan profesi yang dibawa, *setting* tempat kerja dan kategori individu yang memerlukan perkhidmatan. Mrdjenovich dan Moore (2004) pula menegaskan nilai-nilai khusus yang terdapat dalam profesi seperti bentuk etika kerja, rasa tanggungjawab terhadap tugas dan

perasaan bangga dengan profesion merupakan elemen yang memperkuatkan diri atau identiti profesional dalam bidang ini. Manakala Gazzola dan Smith (2007) memperincikan bahawa pembangunan diri dalam profesion, kejayaan dan kemajuan kerjaya serta inovasi yang ditunjukkan dalam pekerjaan adalah interpretasi kepada sesuatu bentuk identiti profesional yang ingin diketengahkan. Davidson dan Schenck (2006) memperkuatkan lagi pandangan-pandangan tersebut dengan merumuskan konsep diri/identiti profesional sebagai:

“... a way of conducting oneself as a [practitioner]. The manner or style in which this is done is informed by the personality and creates a certain image which is presented to the public and communicates a message of who this professional person is.” (p.201)

Diri profesional yang dibawa oleh seseorang pengamal bukan sahaja mempengaruhi proses pemulihan klien tetapi ia juga membantu membangunkan dan menambahbaik nilai-nilai personal dan profesional pengamal. Bagi klien, implikasi yang mungkin paling terkesan kepada diri adalah ‘siapa’ (personhood) dan ‘apa’ (content) yang ditawarkan oleh pengamal dalam proses membantu mereka. Manakala bagi pengamal, hubungan terapeutik yang terjalin bersama klien memberi pengalaman bernilai dalam usaha memperbaiki kemahiran dan pengetahuan profesional yang seterusnya (Ronnestad & Skovholt, 2003; Bhargava & Sriram, 2016).

Walau bagaimana pun, dalam proses membentuk diri atau identiti profesional - seperti juga pembentukan elemen-elemen psikologi yang lain, ia tidak dapat lari daripada berhadapan dengan cabaran-cabaran tertentu. Antara cabaran yang perlu dilalui adalah seperti perasaan ragu terhadap kebolehan diri, pengetahuan yang tidak mencukupi berkaitan bidang kerja pemulihan yang lebih spesifik, dasar dan peraturan tempat kerja, bebanan kerja melampaui kemampuan, masalah peribadi, kebajikan diri dan kepuasan terhadap profesion (Alves & Gazzola, 2011).

Dalam konteks pemulihan dan intervensi, latihan dan kurikulum pengajian merupakan instrumen utama dalam mempersiapkan diri pengamal sebagai seorang profesional. Kurikulum pemulihan, sama ada yang menjurus kepada aspek psikologi, kaunseling, kerja sosial, pembangunan manusia, agama, dakwah atau kurikulum yang mengintegrasikan semua aspek tersebut boleh menyediakan asas yang kukuh kepada individu pengamal apabila berhadapan dengan isu-isu pemulihan.

Hal ini kerana kurikulum pengajian bukan sahaja perlu membincangkan aspek-aspek teras pengetahuan (core knowledge) berkaitan pemulihan tetapi juga aspek yang lebih kompleks berkaitan diri pengamal yang akan menjalankan aktiviti dan intervensi pemulihan berkenaan. Isu-isu tersebut adalah seperti perbezaan nilai kepercayaan yang dipegang pengamal-klien, hubungan kuasa dalam amalan intervensi atau *power relation* (Foucault, 1980), kesedaran terhadap limitasi amalan dan kompetensi, kebolehan mengurus keperluan personal dan profesional pengamal, serta keupayaan untuk memahami dan bertindak terhadap maklumbalas yang diberikan terhadap perkhidmatan pemulihan (Ward, 2013).

Selain itu, Marlowe, Appleton, Chinnery dan Van Stratum (2015) mencadangkan agar latihan pemulihan juga perlu menerapkan pelajar dengan kesedaran dan kepekaan yang bersifat kritikal terhadap profesi yang dilalui. Kepekaan tersebut dijelaskan dengan lebih lanjut seperti berikut:

[critical awareness] represents an opportunity for students to cultivate both professional and personal skills by developing self-awareness, self-care, empathy, critical inquiry and an increased experience and understanding of power dynamics. Recent studies reveal the tensions within these contexts relating to how students integrate self and theory into professional practice. (p.61)

Memandangkan *setting* pemulihan berpotensi memberi tekanan kepada pengamal, kemahiran *critical awareness* membantu individu untuk membuat perkaitan yang wajar antara pengalaman profesional dan isu-isu yang berbangkit di lapangan. Kemahiran ini membolehkan pengamal memikirkan bagaimana untuk membuat refleksi terhadap implikasi amalan dan identiti profesional pengamal dalam praktis (Higgins, 2011). Ketajaman fikiran dan pembacaan yang bijaksana terhadap situasi hasil daripada kemahiran ini bukan sahaja dapat memperbaiki kualiti perkhidmatan tetapi ia juga mampu mengurangkan konflik yang mungkin timbul di lokasi pemulihan (Randall, Haslee Sharil, Zainal & Lau, 2016). Kesannya cabaran-cabaran yang dialami semasa proses pembentukan identiti diri profesional seperti yang telah dikemukakan sebelum ini dapat diminimumkan.

Perbincangan seterusnya memberi fokus kepada dapatan kajian yang dijalankan tentang identiti diri profesional pengamal yang terlibat dalam proses pemulihan dan pembangunan diri pelaku kesalahan yang memegang ideologi pemahaman agama melampau. Kelompok ini adalah individu yang terlibat dalam penyelewengan agama atau ajaran sesat yang membawa kepada pemikiran dan perlakuan radikal serta berpotensi menimbulkan keganasan. Bagi konteks artikel ini, maksud pemahaman agama adalah merujuk kepada ajaran agama Islam yang diperaktiskan dalam konteks Malaysia.

## REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan penggunaan metode *exploratory*. Metode *exploratory* diaplikasikan bagi bahagian atau bidang kajian yang kurang diselidik atau dapatannya sukar ditemui dalam literatur atau kajian-kajian terdahulu (Mouton & Marais, 1991; Rubin & Babbie, 1993). Menurut Rubin dan Babbie (1993) kaedah kajian ini membantu membuka ruang penyelidikan yang lebih luas serta penemuan dapatan yang boleh memberi kefahaman baru.

Dalam kajian yang diketengah untuk artikel ini, kaedah *exploratory* didapati sesuai dan seajar dengan objektif kajian yang dijalankan. Sorotan literatur telah menunjukkan topik berkaitan diri atau identiti profesional pengamal pemulihan telah pun dikupas. Namun, skop penelitiannya banyak terfokus kepada pengamal dalam bidang pemulihan yang bersifat terapi dan klinikal seperti kaunseling, psikologi klinikal, psikiatri dan perubatan (Mrdjenovich, & Moore, 2004; Gazzola, & Smith, 2007; Davidson & Schenck, 2006). Kebanyakan kajian ini pula adalah di luar negara dan dapatannya mungkin berbeza dengan konteks Malaysia yang berlatar belakangkan sosio-budaya, amalan, corak kehidupan, isu dan masalah yang berlainan dengan konteks negara-negara luar. Manakala kajian tempatan bagi topik ideologi ekstrem atau radikal pula banyak menyentuh tentang bentuk program-program pemulihan, dasar-dasar pencegahan negara serta langkah-langkah penguatkuasaan (Siti Zubaidah, 2010; Ammar, 2011; Rabasa et.al, 2010).

Kajian bagi artikel ini lebih menumpukan kepada bentuk pemulihan yang bersifat umum yang pengamalnya berada dalam konteks bimbingan (guidance) serta menggunakan pendekatan integratif seperti agama dan kerohanian. Kes-kes pemulihan pula tertumpu kepada klien yang berfahaman agama melampau seperti yang dinyatakan sebelum ini. Setakat artikel ini ditulis, didapati tiada kajian spesifik yang membincangkan tentang identiti diri profesional bagi

kategori pengamal yang telah disebutkan serta hubungannya dengan kes-kes berfahaman agama sesat, radikal, ekstrem atau menyeleweng.

### SAMPEL KAJIAN

Seramai lapan informan telah dijemput dan direkrut untuk menjadi peserta kajian dengan pecahan jantina; dua wanita dan enam lelaki. Pemilihan sampel informan adalah secara bertujuan (purposive) dengan penetapan kriteria seperti berikut:

- i. Beragama Islam; memahami dengan baik ajaran dan amalan-amalan dalam ajaran Islam
- ii. Berhadapan dengan kes-kes pelaku kesalahan yang berfahaman ekstrem atau radikal
- iii. Berpengalaman lebih tiga tahun dalam profesion pemulihan
- iv. Mendapat latihan asas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pemulihan dan intervensi

Informan direkrut dari pelbagai agensi kerajaan seperti pusat-pusat pemulihan berorientasikan agama, kementerian yang bertanggungjawab terhadap dasar dan penguatkuasaan fahaman ekstrem, dan jabatan-jabatan agama Islam. Lokasi kajian pula hanya terbatas di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur di mana semua informan ditempatkan. Sebelum kajian dijalankan, semua informan telah mendapat penjelasan dan maklumat awal berkaitan kajian. Kajian juga telah mendapat kebenaran termaklum (inform consent) daripada para informan sebelum sesi temubual bermula.

### PENGUMPULAN DATA DAN BENTUK ANALISIS

Pengumpulan data kajian adalah melalui instrumen temubual separa berstruktur yang dilakukan secara *in-depth* atau mendalam. Setiap sesi temubual berjalan selama satu jam hingga satu jam setengah dan semua sesi temubual dirakam serta ditranskripsikan secara verbatim. Bagi menganalisis dapatan kajian, kaedah yang digunakan adalah gabungan antara analisis tematik dan naratif. Analisis naratif membantu untuk memahami pengalaman informan melalui proses penceritaan atau *story-telling* (Riessman, 1993) berkaitan identiti profesional serta hubung kaitnya dengan kes yang ditangani dari lensa personal dan profesional informan yang tersendiri. Bentuk analisis ini memberi ruang yang luas untuk melihat dengan terperinci maksud pengalaman yang disampaikan oleh informan (Hyvärinen, 2008). Manakala analisis tematik berperanan untuk mengidentifikasi tema-tema penting dapatan yang dilakukan secara inter dan merentas informan. Proses identifikasi ini membolehkan dapatan kajian disusun dengan sistematis dan bermakna.

Semua transkripsi yang dipilih bagi tujuan artikel ini telah dikodkan dan nama-nama sebenar informan diganti dengan simbol khas bagi menjaga privasi informan. Begitu juga nama agensi tempat informan bertugas tidak didedahkan atas permintaan informan. Semua petikan transkripsi yang dibincangkan dalam artikel ini telah disahkan dan dibenarkan penggunaannya oleh semua informan bagi tujuan penerbitan.

### DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini mengupas dapatan kajian yang merangkumi profil ringkas informan dan elemen-elemen penting dapatan yang dipetik hasil daripada temubual kajian. Elemen-elemen tersebut meliputi aspek nilai personal seperti spiritualiti dan kepercayaan diri, serta latihan dan pendidikan yang diterima pengamal yang secara langsung dan tidak langsung telah membentuk identiti diri profesional informan.

### **Jadual 1: Profil Informan**

No.	Jantina	Tempoh Pengalaman Kerja	Bidang Pengajian	Kelayakan Tertinggi	Status Pekerjaan	Tempat Kerja
1.	Perempuan	11 tahun	Bahasa Arab	Sarjana Muda	Pegawai Kumpulan A	Jabatan Agama Islam
2.	Lelaki	11 tahun	Tafsir	Sarjana	Pegawai Kumpulan A	Kementerian
3.	Perempuan	9 tahun	Psikologi Kaunseling	Sarjana	Pegawai Kumpulan B	Kementerian
4.	Lelaki	9 tahun	Akidah	Sarjana	Pegawai Kumpulan A	Jabatan Agama Islam
5.	Lelaki	8 tahun	Dakwah dan Tafsir	Sarjana Muda	Pegawai Kumpulan A	Pusat Pemulihan
6.	Lelaki	8 tahun	Syariah dan Pengurusan	Sarjana	Pegawai Kumpulan A	Kementerian
7.	Lelaki	5 tahun	Dakwah	Sarjana Muda	Pegawai Kumpulan B	Pusat Pemulihan
8.	Lelaki	4 tahun	Syariah dan Usuluddin	Sarjana Muda	Pegawai Kumpulan B	Pusat Pemulihan

Jadual 1 di atas secara ringkas menunjukkan profil informan yang menangani kes-kes pelaku kesalahan yang terlibat dengan ideologi agama melampau. Semua informan merupakan penjawat awam bertugas di agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dengan isu-isu penyelewengan agama, ajaran sesat dan keganasan. Secara umumnya kelayakan pengajian informan adalah di peringkat ijazah sarjana muda dengan empat daripada mereka adalah pemegang ijazah sarjana dalam bidang yang berkaitan dengan tugas. Kebanyakan informan merupakan pegawai kerajaan dalam kategori kumpulan profesional dengan dua informan memegang status ketua bahagian atau institusi. Semua informan menyatakan fungsi jawatan mereka menjurus kepada proses pemulihan dan pembangunan diri di samping menjalankan tugas pentadbiran yang lain. Hanya seorang informan menyatakan beliau juga terlibat dengan tugas penyelidikan berkaitan penyelewangan agama dan keganasan dalam rutin harianya. Julat pengalaman informan berhadapan kes-kes sebegini adalah antara 4 tahun hingga 11 tahun. Semua informan mendapat pendidikan dan latihan asas dalam pengajian Islam termasuk informan yang dilatih dalam bidang psikologi kaunseling. Sehingga kajian dijalankan hanya dua informan wanita yang berjaya direkrut berbanding jantina lelaki. Ini selaras dengan jumlah penjawat awam dalam bidang ini yang banyak didominasi oleh jantina lelaki. Selain itu, persampelan kecil informan juga merupakan gambaran kepada kumpulan sebenar yang terlibat secara langsung dalam isu-isu penyelewengan, radikal, ekstremis dan keganasan agama di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### **IDENTITI DIRI PROFESIONAL DALAM PRAKTIS**

#### **Nilai personal**

Menurut Parkard (2009) sistem nilai yang dipegang oleh individu sama ada ia diperolehi melalui pengalaman hidup atau diajar secara formal berperanan membentuk corak pemikiran dan pembawaan diri profesional. Hasil daripada naratif informan, nilai ini dipersembahkan dalam bentuk nilai spiritual dan kepercayaan diri. Informan menggambarkan bahawa nilai-nilai ini berinteraksi secara langsung dengan identiti diri profesional mereka dalam praktis. Perkara ini dinyatakan seperti berikut:

“Hati manusia ni ibarat cawan, benda yang tak elok tak akan masuk...akan tertutup sahaja... kalau kita dapat pecahkan [hati] dengan baca al-Quran...benda ni [perkara baik] akan masuk sikit... sampailah tahap dia (pelatih) tersedar salah... tapi nak tunggu dia sedar salah tu bukan urusan kita (pengamal) tu urusan tuhan... kita kena sabar...” (MNJ/PPA/4)

Apabila menjelaskan hubungan antara nilai personal iaitu nilai kerohanian dan identiti diri profesional, seorang informan menekankan tentang pentingnya menjaga hubungan dengan tuhan. Bagi pendapat beliau aspek ini membantu apabila berhadapan dengan isu-isu yang mencabar dirinya sebagai pengamal pemulihan.

“Saya fikir saya buat ni kerja Allah... kadang saya baca al-Quran lepas habis [tugas] dekat penjara tu...saya duduk dalam masjid (senyap seketika)...bila kita kerja, kadang ayat al-Quran ni datang balik kat diri kita...walau pun surah tu surah yang biasa kita baca...macam surah al-Mulk...tapi rasa macam disentuh oleh Allah...rasa lega...” (II/PPA/11)

Pernyataan ini senada dengan pandangan yang dikemukakan oleh dua orang informan lain yang menyatakan aspek spiritual sentiasa perlu diperkuatkan, bukan sahaja tertakluk kepada pengamal tetapi juga kepada individu lain yang berada di persekitaran isu itu berlaku:

“(Pengamal) kena sembahyang sunat taubat, solat hajat setiap hari supaya Allah tetapkan iman...ampun dosa. Tu [amalan] tanggungjawab berat bagi saya. Seorang pendakwah yang berjaya adalah bila dia sendiri yang beramal...banyak ingat Allah. Mengaji [membaca al-Quran] tak boleh tinggal...kena pegang setiap hari...tak boleh culas [untuk diri] bukan untuk orang lain” (HA/MS/13)

“Kita (pengamal) kena kuat dari segi rohani, sentiasa kena jaga mata, makanan kena bersih, baca al-Quran, zikir kena jaga, sembahyang malam kena buat...barulah kita boleh bantu orang lain...kalau kita dengan tuhan jauh macam mana kan. Staf pun kena solat berjemaah, staf pun kena turun sembahyang malam...staf sendiri kena baca al-Quran dengan diorang (pelatih)...bawa zikir...” (MNJ/PPA/9)

Dilihat kepada naratif yang dikemukakan, dapat difahami bahawa nilai personal yang berbentuk spiritualiti dan kepercayaan diri menyumbang kepada falsafah hidup seseorang (Othman, Mizan Adiliah & Saedah, 2017). Bagi informan, nilai-nilai ini bukan sahaja mempengaruhi diri peribadi mereka tetapi juga diekspresikan dalam identiti profesional serta tugas yang dilaksanakan. Rogers (1951) menjelaskan individu yang terlibat dalam hubungan tolong bantu perlu mempunyai nilai-nilai personal yang boleh menjadi panduan dalam kehidupan serta profesi mereka. Nilai-nilai ini menjadi asas kepada rasa “security within themselves”(p.437) terutama apabila dalam proses mencari jawapan yang bermakna kepada isu-isu kompleks dan sukar (Davidson, & Schenck, 2006).

Sesuai dengan apa yang ditekankan oleh Rogers berkaitan *security within self*, seorang informan menggambarkan situasi ini dengan merujuk kepada pengalaman beliau mencari ketenangan dan rasa selamat diri terhadap perasaan ragu dan buntu.

“Benda tu [ideologi ekstrem] susahkan...rasa macam tak naklah [berhadapan]...[senyap seketika]. Tapi saya percaya tuhan mendengar doa...“Ya

Allah bantulah aku...aku buntu masa ni...Ya Allah, aku ni tak kuat lagi rupanya". Pada saya Allah memang melihat...masa tu saya rasa macam ada beg pelampung [pertolongan kecemasan] yang seterusnya menguatkan saya dengan kata-kata "engkau pergi [buat kerja] tuhan bantu" (AMS/PPA/10-12)

Langkah informan kembali kepada nilai-nilai spiritual dan kepercayaan diri dapat menanam semangat dalam membentuk sikap profesional untuk terus komited dan jelas dengan matlamat pemulihan. Al-Ghazali antara tokoh falsafah Islam yang memberi kupasan mendalam berkaitan diri menekankan kepada penjagaan dan pembinaan empat unsur utama manusia iaitu *ar-rūh*, *al-qalb*, *al-nafs* dan *al-'aql*. Dari perspektif tersebut, keempat-empat unsur ini berperanan penting dalam menentukan siapa diri manusia dan bagaimana diri itu dibawa untuk berfungsi dalam suasana persekitarannya (Saleh Ahmad al-Shâmi, 2010). Bagi membina diri yang baik, usaha untuk membangunkan kualiti kesemua unsur ini amat ditekankan dalam Islam. Ini kerana fizikal dan jiwa yang berada dalam keadaan seimbang serta sihat membuka ruang yang lebih luas untuk seseorang individu membuat penilaian terhadap apa yang berlaku dengan lebih jelas dan bijaksana. Sebagaimana firman Allah dalam surah as-Syam ayat 7 hingga 10:

وَنَفْسٍٍ وَمَا سَوَّلَهَا (٧) فَاللَّهُمَّ هَا فُجُورَهَا وَتَقْوِيَهَا (٨) قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا (٩) وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا (١٠)

Maksudnya: Dan jiwa serta penyempurnaan (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya, sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan diri (dengan beriman), dan dia ingat nama Allahnya, lalu dia sembahyang.

Dalam hal ini, al-Makki (1997) berpandangan bahawa amalan melakukan solat sunat taubat merupakan perkara penting yang perlu dilakukan bagi mencapai kesucian hati. Oleh yang demikian, beliau meletakkan taubat pada tingkatan pertama dalam sembilan maqamat yang dibahaskan beliau dalam kitabnya Qut al-Qulub.

Selain itu, al-Asqalani (1997) menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW juga sentiasa menitikberatkan penjagaan hati jika inginkan kesejahteraan dan kekuatan rohani dan mental sebagaimana sabdanya dalam satu potongan hadis yang panjang:

”...ألا وإن حمى الله محارمه ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلح الجسد كله وإذا فسدت فسد الجسد كله ألا وهي القلب“

Maksudnya: Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota badannya tetapi seandainya daging itu rosak dan kotor, maka kotor dan rosaklah seluruh anggota badannya. Daging yang dimaksudkan ini adalah hati.

Dalam konteks informan, selari dengan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan di atas, kembali kepada peranan diri dalam ruang lingkup agama menjadi pilihan apabila melaksanakan tanggungjawab dan profesion masing-masing.

### **Pendidikan dan Latihan Profesional**

Seperti yang dinyatakan oleh Parkard (2009) sebelum ini, sesuatu nilai boleh juga terbentuk hasil daripada pendidikan formal dan latihan yang diterima individu pengamal. Pembentukan identiti profesional secara dominannya dipengaruhi oleh latihan dan pendidikan yang diperolehi (Khairunneezam, Nor Azzah, Hafizah, Wan Fauriah, Zuraida & Mohd Helmi, 2016). Dalam

kajian ini, latihan dalam bidang agama memberi pengaruh yang besar kepada praktis pemulihan. Hal ini disebabkan isu-isu yang ditangani adalah kes yang memerlukan kepada pengetahuan, pemahaman dan kemahiran dalam perkara yang melibatkan ajaran Islam, terutama sesuatu pemikiran atau ideologi berkaitan dengannya. Petikan berikut memperlihatkan hubungan pendidikan pengamal dan identiti diri profesional:

“Biasanya saya tak akan ajar dulu [secara terus]... saya dekati dia dulu (pelatih)... (saya) buka al-Quran dan baca, zikir dulu...“la ilha illallah” 1000 kali...selawat pada Nabi... mula-mula dia tak ikut [tapi] lama-lama ikut... sebab biasanya zikir ni seronok...” (MNJ/PPA/3)

“kalau dia (tahanan) kata dia buat benda teruk pun sampai tahap [sangat teruk]... saya tak ada perasaan [prejudis]...ni bukan nilai saya...saya boleh terima apa pun yang diorang [tahanan] kongsi [cerita]...” (MM/KN/2)

“kita guna kaedah yang kita percaya manusia ni memang baik... jadi terpulang pada dia (tahanan)... kita bagi dia pilihan...realiti ni pilihan dia juga kan...kita cuma bagi dia jalan...kita datang [penjara] memang niat nak membantu orang untuk pulih...jadi kita buat tu memang bersungguh-sungguh...” (MM/KN/1 & 14)

Menurut Brott dan Myers (1999) pendidikan dan latihan merupakan kerangka utama yang menjadi rujukan kepada pengamal bagaimana menjalankan tugas, membuat keputusan dan berkembang sebagai seorang profesional. Ia termasuk keputusan memilih pendekatan atau teknik yang difikirkan sesuai untuk digunakan dalam sesi pemulihan. Berdasarkan kepada tiga naratif di atas, pengamal-pengamal pemulihan memilih untuk terlebih dahulu memahami keadaan atau kondisi pelaku kesalahan – dalam sebutan informan dipanggil sebagai ‘pelatih’ dan ‘tahanan’. Pendekatan ini meletakkan informan dalam situasi atau kedudukan yang membolehkan mereka membina hubungan awal atau *rapport* yang diperlukan oleh pelatih atau tahanan. Pembinaan *rapport* yang baik adalah komponen penting dalam amalan terapeutik kerana ia mendorong kepada hubungan yang lebih mendalam antara seorang profesional dan klien. Steen, Engels, dan Thweatt III (2006) memberi penekanan berkaitan hal ini dengan menegaskan:

When dealing with such deeply personal, multifaceted, and highly complex issues as spiritual beliefs, [practitioners] must join clients in creating an environment that is open and flexible to exploration and questioning. (p.111)

Dalam isu pelatih/tahanan yang terjebak dengan ideologi pemikiran melampau, pembinaan hubungan awal yang baik lebih diperlukan. Bagi kes-kes sebegini, perkongsian pengalaman, luahan perasaan dan perbincangan berkaitan apa yang mereka percaya tentang agama bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diutarakan, apatah lagi dengan individu pengamal yang mungkin mempunyai nilai dan kefahaman berbeza dengan golongan ini. Oleh yang demikian, usaha untuk mendekati, cuba memahami dan menerima seadanya diri pelatih/tahanan membuka ruang kepada mereka untuk bersikap terbuka seterusnya membolehkan proses pemulihan dilaksanakan dengan lebih baik. Aspek ini diakui oleh informan seterusnya yang menekankan bahawa hubungan awal boleh melegakan kerisauan atau persepsi pelatih/tahanan bahawa tugas pengamal adalah semata-mata untuk ‘memperbetulkan’:

“Saya kata (kepada tahanan) bukan nak betulkan dia...Saya pergi [berjumpa dengan tahanan] nak membina hubungan [nak membantu]” (AM/JA/4).

Dalam situasi lain seorang informan menyokong pandangan tersebut dengan menegaskan isu-isu semasa pelatih perlu diberi perhatian terlebih dahulu supaya hubungan tolong-bantu dapat dirasai dengan segera oleh mereka:

“saya *consult* dulu dengan dia (pelatih), saya dapatkan apa yang dia *concern* [bimbang]...apa masalah sebenarnya...saya pujuk-pujuk baru saya faham...[sebagai contoh] motorsikal dia ada dekat *parking* mahkamah tak ada siapa nak ambil, kaum keluarga tak tahu... [kemudian] dah tahun akhir kat universiti tiba-tiba tak boleh nak konvo [kena tangkap]...saya senaraikan dan cuba selesaikan [perkara teknikal]. (Pelatih) nak panggil peguam...boleh...pegawai datang, (kita) panggil keluarga datang...kita *convince* dia, jadi teknik tu yang perlu ada...” (II/PPA/9-10)

Sikap yang ditunjukkan dalam kesemua naratif di atas memperlihatkan bagaimana para informan didorong untuk mengaplikasikan prinsip asas pemulihan iaitu memberi bimbingan, memahami situasi dan menerima tanpa syarat. Ketiga-tiga aspek tersebut menurut Rogers (1962) meletakkan pengamal dalam posisi menghormati dan bersedia menerima apa sahaja keadaan klien pada saat dan ketika itu. Walau bagaimana pun, apabila berada dalam posisi berkenaan bukanlah bermaksud individu pengamal perlu menerima sahaja tanpa ada sebarang maklum balas atau tindakan yang bermakna untuk proses seterusnya. Rogers dalam pendekatan terapinya juga telah memperkenalkan konsep kongruen dan ketulenan (genuiness). Vincent (2005) dalam menjelaskan maksud kongruen, menulis:

Congruence means that the therapist does not deny any experienced feelings, and that there is a willingness to transparently be any persistent feelings that arise within the relationship, and to communicate them within the relationship if appropriate. When might it be appropriate to share such feelings? For Carl, this would seem to be either if the feeling persists over time or the feeling gets in the way of deeply hearing a client. (p. 27)

Dari persepektif ini, individu pengamal turut bertanggungjawab untuk menyatakan pandangan profesionalnya seperti yang ditekankan oleh Stander dan rakan-rakan (1994) sebagai “*wanting guideposts for responsible behaviour and at the same time embracing a constructive view of epistemology*”(p.33). Dalam usaha mengawal tingkahlaku-tingkahlaku yang tidak menguntungkan, aspek kongruen dan kebolehan menyampaikan pandangan profesional serta perasaan tulen pengamal tentang isu-isu tertentu adalah sangat penting. Langkah ini ditunjukkan dalam amalan pemulihan yang dilakukan oleh informan berikut:

“Kita (pengamal) jawab hujah dia (tahanan)...bila dia kata kita ni kafir sebab tak melaksanakan hukum Allah...kita tak nafilah bahawa hukum Allah tu wajib dilaksanakan...bukan hudud sahaja...sembahyang, puasa, zakat, haji...semua sekali benda yang berkaitan dengan perintah tuhan...tak semestinya menafikan hudud sahaja jadi kafir...menafikan solat pun kafir juga...” (ZK/KN/2)

Mereka ni (tahanan) semua cerdik pandai...hafal ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Dengan ilmu yang kita (pengamal) belajar... [juga] hafal al-Quran dan Hadis...kita tahu apa dalam pemikiran dia (tahanan) dan tahu di mana silapnya. Sebab tu saya yakin nak berhujah [berdialog] dengan puak-puak (tahanan) ni... sebab saya tahu di mana dia tak faham. Selama ni mereka (tahanan) rasa mereka betul...orang lain tak betul. [Dalam situasi tersebut] dia boleh berosal jawab dengan kita... dia tak puas hati [kita] berdialog” (ZK/KN/1-3 & 6)

Apabila berhadapan dengan persoalan-persoalan agama yang mencabar, adalah penting untuk para pengamal pemulihan sedar dan maklum tentang etika terbaik dalam menangani persoalan tersebut. Salah satu cadangan adalah dengan mengawasi nilai dan pandangan peribadi yang mungkin bertentangan dengan individu yang berdepan dengan mereka (Beutler & Bergen, 1991). Dalam hal ini, para pengamal dicadangkan agar sentiasa peka dan jelas dengan nilai-nilai yang dibawa dalam praktis sama ada nilai tersebut berbentuk personal atau profesional. Begitu juga mengamalkan sikap terbuka untuk membincangkan persamaan dan perbezaan nilai-nilai tersebut dengan pelatih atau tahanan. Pendekatan ini, dalam hubungan tolong bantu merupakan satu pendekatan yang membuka dialog perbincangan tentang isu-isu yang mengandungi pentafsiran berbeza antara pengamal dan klien (Slife, Hope & Nebeker, 1999).

Merujuk kepada naratif di atas, informan berkenaan menggunakan pendekatan berdialog dalam sesi pemulihan yang dijalankan. Dalam konteks dakwah, pendekatan ini dinamakan sebagai *al-Mujādalah*. Pendekatan atau metode ini memberi fokus kepada cara berdiskusi atau berdialog dengan baik dan bijaksana bersama sasaran dakwah – dalam artikel ini sasaran dakwah ialah pelaku kesalahan, pelatih atau tahanan. *Mujādalah* atau diskusi yang baik lazimnya adalah metode yang digunakan kepada golongan yang memiliki daya intelek atau pengetahuan tinggi dalam sesuatu perkara berkaitan Islam (Syarif al-Jurjāni, 2003). Metode ini menekankan kepada gaya berhujah atau berosal jawab sesuai dengan ilmu pengetahuan yang sedia ada pada individu pengamal dan pelaku kesalahan.

Dilihat kepada pernyataan dalam naratif tersebut, informan tidak terus menyuntik atau memberi tekanan kepada tahanan untuk menerima pemahaman beliau berkaitan isu agama yang dibincangkan melalui pendekatan yang digunakan. Ruang ‘berdialog’ dan ‘bersoal jawab’ yang dibuka oleh informan menampakkan tindakannya menyediakan peluang bagi kedua-dua belah pihak mengemukakan pandangan masing-masing. Tindakan ini merupakan suatu proses interaktif dalam membincangkan pentafsiran dan kefahaman Islam yang telah terbina dalam ruang lingkup dunia pengamal dan klien. Menurut Anderson (2005), proses interaktif ini bertujuan membantu pengamal dan klien memahami dengan lebih mendalam tentang konteks sesuatu maksud atau makna yang terbit daripada perbualan pemulihan tersebut. Melalui proses ini, perbualan akan memperkayakan dan mencambah pemahaman atau pentafsiran baharu berkaitan isu-isu agama yang diketengahkan. Ruang yang disediakan untuk berosal jawab dan berkongsi pengalaman adalah ruang untuk pengamal-klien meneroka dan menilai pengalaman beragama yang telah membentuk identiti diri masing-masing dan bagaimana ia mempengaruhi perspektif individu-individu yang terlibat.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian ini telah mengemukakan dua faktor penting dalam pembentukan identiti diri profesional pengamal pemulihan. Semua informan kajian menggambarkan bahawa nilai personal dan nilai profesional yang diterima melalui pendidikan formal mempunyai hubungan yang kuat dalam mempengaruhi siapa diri mereka sebagai pengamal pemulihan. Nilai personal seperti spiritualiti dan kepercayaan diri bukan sahaja membantu diri mereka sebagai individu tetapi juga berperanan memperkuuhkan dan memberi panduan tentang fungsi sebagai pengamal yang sering berdepan dengan isu-isu sukar dalam agama. Selain itu, para informan menggambarkan pendekatan intervensi yang dipilih juga dipengaruhi oleh gabungan nilai-nilai berkenaan dalam melihat sesuatu isu atau masalah berkaitan kes-kes beragama yang ekstrem.

Kefahaman berkaitan nilai personal dan profesional serta hubungannya dengan pembentukan identiti diri ini memberi beberapa implikasi kepada kurikulum latihan sebagai saluran utama dalam pembangunan diri profesional yang mantap. Diri profesional yang mantap akan mempamerkan bentuk peranan yang dibawa oleh pengamal, amalan yang beretika dan kualiti tugas yang dijalankan. Untuk mencapai tujuan tersebut, salah satu cadangan yang boleh diketengahkan ialah memperkenalkan aspek refleksiviti (reflexivity) dalam pengajaran dan pembelajaran. Alves dan Gazzola (2011) yang sependapat dengan pandangan Ronnestad and Skovholt (2003) menjelaskan:

Reflecting upon professional experiences in general are prerequisites for optimal development. This could lead to a more comprehensive and in-depth understanding of oneself and others, and of how to conduct one's work. Learning more about the factors that influence professional identity development could contribute to the advancement of [practitioner] education and potentially improve the quality of [their] professional identities. (p.204)

Proses ini boleh dilaksanakan melalui perbincangan yang bermakna bersama tenaga pengajar atau menjadi salah satu topik utama dalam subjek teras pemulihan. Perbincangan sebegini dalam latihan boleh menjelaskan kepada pelajar tentang kapasiti nilai-nilai personal dan profesional mereka serta implikasinya terhadap amalan.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya kerana telah menyediakan geran penyelidikan bagi menjalankan kajian ini di bawah geran UMRG RP029A-16HNE.

## RUJUKAN

- 'Ali M. Syarif al-Jurjāni. (2003). *At-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Alves, S. & Gazolla, N. (2011). Professional identity: A qualitative inquiry of experienced counsellors. *Canadian Journal of Counselling and Psychotherapy*, 45(3), 189–207.
- Al-Makki, Abu Talib. (1997). *Qut al-qulub*. Vol. 1, Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- Amir Latif & Hafiza Sabiha Munir. (2014). Terrorism and jihad: An Islamic perspective. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 2(1), 69-80.
- Ammar Fadzil. (2011). Deviant teachings in Malaysia and their interpretation of the Qur'ān, *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(20), p.183-194.
- Anderson, H. (2005). Myths about "Not-Knowing". *Family Process*, 44(4), 497-504.
- Beutler, L. E., & Bergen, J. (1991). Value change in counseling and psychotherapy: A search for scientific credibility. *Journal of Counseling Psychology*, 38, 16-24.
- Bhargava, S., & Sriram, S. (2016). Counsellor characteristics and the counseling experience. In S. Sriram (ed.) *Counselling in India: Reflections on the process*, (pp.13-33). Singapore: Springer Science and Business Media.
- Brott, P. E. & Myers, J. E. (1999). Development of professional school counselor identity. *Professional School Counseling*, 2(5), 339-348.
- Davidson, C., & Schenck, C.J. (2006). The perception of the professional self of social workers in private practice. *Social Work*, 42(3/4). 201-212.
- Foucault, Michel. (1980). *Power/Knowledge*. New York: Pantheon.
- Gazzola, N., & Smith, J. D. (2007). Who do we think we are? A survey of counsellors in Canada. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 29(2), 97-110.
- Higgins, D. (2011). Why reflect? Recognising the link between learning and reflection. *Reflective Practice*, 12(5), 583–584.

- Hyvärinen, M. (2008). Analyzing narratives and story-telling. In P. Alasuutari, L. Bickman & J. Brannen (Eds.), *The Sage handbook of social research methods* (pp.447-460), London: Sage Publications.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani. (1997). *Fathul Baari Syarah Sahih Al-Bukhari* (Ghazirah Abdi Ummah, Trans.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Khairunneezam Mohd Noor, Nor Azzah Momin, Hafizah Marzuki, Wan Fauriah Wan Samad, Zuraida Zakaria, & Mohd. Helmi Masor@Mansor. (2016). Penggunaan kepakaran staf dan kaitannya dengan kepuasan kerja di Universiti Sains Islam Malaysia. *Al-'Abqari - Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 9 (Oct.), 143-155.
- Kementerian Dalam Negeri. (2016). *Modul pemulihan bersepada orang tahanan: Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Marlowe, J. M., Appleton, C., Chinnery, S.A., & Van Stratum, S. (2015). The integration of personal and professional selves: Developing students' critical awareness in social work practice. *Social Work Education*, 34(1), 60-73.
- Mouton, J. & Marais, H.C. (1991). *Basic concepts: In the methodology of the social sciences*. Pretoria, South Africa: Human Sciences Research Council.
- Mrdjenovich, A. J., & Moore, B. A. (2004). The professional identity of counselling psychologists in health care: A review and call for research. *Counselling Psychology Quarterly*, 17, 69-79.
- Neary, S. (2014). Professional identity: What I call myself defines who I am. *Career Matters*, 2(3), 14-15.
- Othman Ab Rahman, Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Saedah Abd Ghani (2017). Keperluan pengurusan konflik dalam pendekatan kaunseling kelompok. *Al-'Abqari - Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 10 (May), 35-48.
- Packard, T. (2009). The 2008 Leona Tyler Award Address: Core values that distinguish counseling psychology: Personal and professional perspectives. *The Counseling Psychologist*, 37, 610-624.
- Rabasa, A., Pettyjohn, S. L., Ghez, J.J. & Boucek, C. (2010). *Deradicalizing Islamist extremists*. California: National Security Research Division RAND Corporation.
- Randall Chirng, Haslee Sharil Lim Abdullah, Zainal Madon & Lau Poh Li (2016). Counselling the stressed for psychological wellbeing. *Al-'Abqari - Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 8 (Oct), 45-61.
- Riessman, C. K. (1993). *Narrative analysis*. California: Sage Publications.
- Rogers, C. (1962). The interpersonal relationship: The core of guidance. *Harvard Education Review*, 32, 416-429.
- Rogers, C.R. (1951). *Client-Centred therapy*. London: Constable
- Ronnestad, M. H., & Skovholt, T. M. (2003). The journey of the counselor and therapist: Research findings and perspectives on professional development. *Journal of Career Development*, 30(1), 5-44.
- Rubin, A. & Babbie, E. (1993). *Research methods for social work* (2<sup>nd</sup>.ed). California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Saleh Ahmad al-Shāmi (2010). *Al-Muhaḍḥibū min Ihya' 'Ulum al-Dīn* (ed. Ke-3). Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Salleh Buang, New Straits Time Online, The Rise of Deviant Teachings, 7 April 2016, dicapai pada 11 Mei 2017 di <http://www.nst.com.my/news/2016/04/137802/rise-deviant-teachings>.
- Schoen, L. G. (1989). In search of a professional identity: Counseling psychology in Australia. *The Counseling Psychologist*, 17(2), 332-343.

- Sibalinggam, M. (2016). Malaysia. In R. Gunaratna & K. Stefanie (Eds.), *Handbook of terrorism in the Asia-Pacific* (pp.53-70), London: Imperial College Press.
- Siti Zubaidah Ismail (2010). Menangani ajaran sesat di kalangan umat Islam: Perspektif undang-undang dan pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 18 (2), 247-276.
- Slife, B. D., Hope, C., & Nebeker, R. S. (1999). Examining the relationship between religious spirituality and psychological science. *Journal of Humanistic Psychology*, 39(2), 51-85.
- Standar, V., Piercy, F. P., Mackinnon, D., & Helmeke, K. (1994). Spirituality, religion and family therapy: Competing or complementary worlds? *The American Journal of Family Therapy*, 22(1), 27-41.
- Steen, L. R., Engels, D., & Thweatt III, W. T. (2006). Ethical aspects of spirituality in counseling. *Counseling and Values*, 50(2), 108-118.
- Vincent, S. (2005). *Being emphatic: A companion for counsellors and therapists*. Oxon: Radcliffe.
- Ward, K. (2013). *Trainees' reflections on developing personal and professional skills through managing risk*, Unpublished Doctor in Clinical Psychology thesis (Cardiff University, Cardiff: United Kingdom).
- Windisch, S., Simi, P., Ligon, G.S. & McNeel, H. (2016). Disengagement from ideologically-based and violent organizations: A systematic review of the literature. *Journal for Deradicalization*, 9, 1-38.
- Zahirah Mustafa. (2013). *Fenomena ajaran sesat dan peruntukan undang-undang di Malaysia*. Selangor: Universiti Teknologi MARA.

